



SISTEM ePEROLEHAN  
PEROLEHAN SECARA TENDER / SEBUT HARGA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

TARIKH IKLAN : 04 JUN 2024 (SELASA)

Tawaran Tender adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal yang berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (MOF)** dalam **kod bidang 050101,050102 dan 221508** seperti di bawah untuk mengambil bahagian di dalam tender berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	JADUAL T/P&P	TARIKH/MASA/TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK (Kehadiran Taklimat/Lawatan Tapak DIWAJIBKAN)	SYARAT PENYERTAAN TENDER	KAEDAH PEROLEHAN
[FTA (CPTPP)] Tender Perkhidmatan 100 Unit Peralatan Perubatan <i>General Anaesthesia (GA) Machine With Patient Monitor</i> Secara Sewa Guna 3.0 Untuk Kegunaan Jabatan Anaesthesiologi Dan Rawatan Kritikal Di Hospital-Hospital Kementerian Kesihatan Malaysia Bagi Tempoh Lima (5) Tahun (Maklumat lanjut sila layari laman sesawang <a href="https://www.moh.gov.my">https://www.moh.gov.my</a> ) [Tawaran petender dibenarkan dalam BM/BI]  <b>No. Tender :QT24000000009389</b>	94/2024	Tarikh : 07 Jun 2024 (Jumaat) Masa : 9.00 pagi Tempat : Bilik Mesyuarat 5 (BM5), Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 1, Blok E, Kompleks E1, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Putrajaya	1). Perolehan ini tertakluk kepada syarat CPTPP seperti berikut:  (i) Hak Kerajaan untuk mengadakan rundingan tidak dalam apa-apa cara jua mengikat Kerajaan menyetujui terima keputusan rundingan;  (ii) Pelawaan tender ini boleh dipertimbangkan pembaharuan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa;  (iii) Harga yang ditawarkan pembida juga adalah tertakluk kepada penentuan Keutamaan Harga ( <i>Margin Of Preference – MOP</i> ); dan  (iv) Program Kolaborasi Industri (ICP). (jika berkaitan)	Secara ePerolehan
<b>❖ PERHATIAN : SILA RUJUK DOKUMEN TAWARAN – SYARAT-SYARAT, ARAHAN DAN PENJELASAN BERHUBUNG DENGAN TENDER YANG <u>TERKINI DALAM SISTEM ePEROLEHAN</u></b>				

Telecenter:

Bahagian Perolehan dan Penswastaan,  
Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 7, Blok E7, Kompleks E, Presint 1,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
**62590 PUTRAJAYA**  
No. Telefon : 03-8883 3022

Dokumen Tender boleh disemak mulai **04 Jun 2024 (Selasa)** dengan melayari **[www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my)**.

Pembekal yang ingin menyertai tender ini mestilah ePerolehan *enabled*. Sistem ePerolehan mempelawa pembekal secara **Auto Invite**. Hanya pembekal yang mempunyai kod bidang berkenaan sahaja layak menyertai tender tersebut.

Cadangan Teknikal dan Cadangan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **17 Julai 2024 (Rabu), jam 12.00 tengah hari**. Semua dokumen pelawaan, dokumen tawaran dan dokumen sokongan hendaklah dikemukakan secara elektronik dan penyerahan **dokumen secara manual adalah tidak dibenarkan**. Penyerahan secara manual hanya dibenarkan bagi sampel sahaja (jika berkenaan). Pihak tuan adalah dimohon untuk mematuhi Pekeliling Perbendaharaan (PP)/Perolehan Kerajaan (PK) 2.2 perenggan 5.7(iii) dan perenggan 15.1(viii) dibaca bersama PP/PK5.1 Lampiran 4 perenggan 9.2 yang memberi maksud untuk **TIDAK memaparkan nama syarikat pada dokumen teknikal**.

#### **Tawaran yang lewat tidak akan diterima.**

Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah ataupun sebarang tawaran.

Syarikat/Firma/Koperasi/Pemilikan Tunggal\* hendaklah mengambil perhatian bahawa setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih;

Atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800 bagi pesanan bernilai RM1.2 juta atau lebih.

\*Yang mana berkenaan

Ketua Setiausaha,  
Kementerian Kesihatan Malaysia.